

KERATAN AKHBAR BULAN OKTOBER 2021
UTUSAN MALAYSIA

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	08.10.2021	Lima Kakitangan Forensik Direman	2
2.	08.10.2021	uCustoms: Pegawai Kastam Ditahan	3
3.	15.10.2021	Bekas Guru Besar Salah Guna Sumbangan Zakat	4
4.	24.10.2021	CEO Ditahan Tipu Wang Pelaburan RM9.6 Juta	5
5.	29.10.2021	RM40B Bagi Pembangunan 2020 Tidak Habis - PAC	6
6.	29.10.2021	RM499.19 Juta Dibayar Tanpa Pengesahan KPI – LKAN Tahun 2020	7
7.	29.10.2021	Jawatankuasa Siasat Benih Padi - MADA	8

UTUSAN MALAYSIA | 08 OKT 2021 | MS 9

Lima kakitangan forensik direman

Oleh MASZUREEN HADZMAN
dan MOHAMAD ATHIR ISMAIL
utusannewse@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Lima kakitangan Jabatan Forensik sebuah hospital yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin dipercayai berperanan menghubungi ejen-ejen pengurusan jenazah mengenai kematian yang perlu diuruskan.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, setiap maklumat dikenakan bayaran tertentu sebagai syarat tawaran menguruskan jenazah yang ada.

Kata sumber itu, jika ejen pengurusan jenazah itu tidak bersetuju dengan syarat berkenaan, tawaran itu akan diberikan kepada ejen lain.

"Jadi, siasatan SPRM tidak menolak kemungkinan terdapat banyak ejen pengurusan jenazah telah berurusan dengan kesemua suspek.



LIMA petugas jabatan forensik tiba di Kompleks Mahkamah Shah Alam, semalam bagi mendapatkan perintah reman ke atas mereka.

"Bagaimanapun, siasatan SPRM masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009," katanya ringkas.

Terdahulu, lima kakitangan

Jabatan Forensik berkenaan direman selama lima hari selepas disyaki meminta dan menerima wang suapan daripada ejen sebagai balasan mendapatkan kerja-jerka pengurusan jenazah.

UTUSAN MALAYSIA |
08 OKT 2021 | MS 12

uCustoms: Pegawai Kastam ditahan

PETALING JAYA: Seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Isnin lalu bagi membantu siasatan berhubung isu ketirisan dalam projek uCustoms.

Penahanan itu menjadikan tiga individu ditahan SPM membabitkan kes ketirisan dalam projek milik JKDM selepas dua lelaki termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat diberkas, baru-baru ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, pegawai penguat kuasa yang ditahan dipercayai antara individu terlibat dalam urusan lantikan kontraktor dan sistem uCustoms.

Bagaimanapun, tiada pengesahan lanjut mengenai penahanan itu.

"Keterangan membabitkan CEO sebuah syarikat yang direman pada Jumaat lalu telah selesai dan dia dibebaskan hari ini (semalam) dengan jaminan SPM.

"Difahamkan, yang masih ditahan ketika ini adalah seorang pegawai penguat kuasa di agensi terlibat," katanya semalam.

UTUSAN MALAYSIA | 15 OKT 21 | PAGE 10

Bekas guru besar salah guna sumbangan zakat

SHAH ALAM: Bekas guru besar Sekolah Kebangsaan (SK) Merbau Sempak, Sungai Buloh berdepan hukuman penjara 60 tahun selepas didakwa atas tiga pertuduhan pecah amanah wang sumbangan zakat berjumlah RM75,000 di Mahkamah Sesyen, di sini.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara 17 dan 19 Jun di Bank Islam Saujana Utama, Sungai Buloh dua tahun lalu apabila wang tersebut sepatutnya diberikan sebagai sumbangan kepada murid asnaf sekolahnya sempena sambutan Aidilfitri.

Tertuduh, Mohamed Nor Azmi Darno, 54, yang kini bertugas di Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sejak 1 Julai lalu mengaku tidak bersalah dalam pertuduhan yang dibacakan berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Tertuduh didakwa menyalahgunakan wang sumbangan zakat berjumlah RM75,000 daripada Malaysia Building Society Berhad untuk murid asnaf SK Merbau Sempak bagi kegunaan sendiri.

Tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, bapa kepada enam anak itu boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebat dan denda.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nor-yusriza Zulkifli mencadangkan jaminan RM80,000 bagi kesemua pertuduhan.

Mahkamah menetapkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin selain mengarahkan tertuduh melapor diri di pejabat SPM Cawangan Klang pada minggu pertama setiap bulan.

MINGGUAN MALAYSIA, 24 OKT. 2021-PAGE 37

**CEO
ditahan
tipu wang
pelaburan
RM9.6 juta**

PETALING JAYA: Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat dalam penipuan wang pelaburan berjumlah lebih RM9.6 juta.

Penahanan reman CEO berusia 52 tahun itu bermula semalam sehingga Selasa ini bagi membantu siasatan lanjut.

Satu sumber memberitahu *Mingguan Malaysia*, suspek disyaki meminta dan menerima wang rasuah daripada seorang pengarah syarikat yang berpangkalan di Indonesia.

Kata sumber itu, wang berkenaan disyaki digunakan suspek sebagai pelaburan dengan hasil daripada wang haram daripada Hong Kong dan Indonesia.

"Suspek juga disyaki terlibat menggunakan hasil kewangan daripada sebuah perhotelan di Uzbekistan untuk pelaburan di syarikat berkenaan.

"Sehubungan itu, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 16 (a) (A) akta SPRM 2009," jelas sumber itu.

Laporan *Utusan Malaysia* semalam mendedahkan, SPRM mengesahkan teknik penjenayah profesional mengupah peguam terkecuali bagi mempertahankan aktiviti penipuan memperdaya mangsa membuat penipuan pelaburan.

Tindakan itu sekali gus menjadi antara punca banyak tangkapan dan siasatan dilakukan pihak berkuasa sebelum ini tiada pertuduhan.

Sindiket penipuan itu menggunakan perniagaan-perniagaan besar seperti perlombongan, hartanah serta perhotelan yang berpangkalan di luar negara untuk menarik mangsa melalur dalam skala yang besar.

Sindiket itu juga licik kerana menggunakan kepakaran mereka dalam bidang profesional dengan melakukan transaksi pelaburan seolah-olah mengikut undang-undang yang sah.

10

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 29 OKTOBER 2021

Dalam Negeri

RM40b bagi pembangunan 2020 tidak habis - PAC

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dimaklumkan pinjaman kasar untuk tujuan Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2020 sebanyak RM48.571 bilion tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan pembangunan.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, hanya 77.53 peratus atau RM37.656 bilion digunakan untuk tujuan pembangunan dan selebihnya digunakan bagi tujuan pelunasan liabiliti dan komitmen jaminan serta perbelanjaan mengurus.

"Keadaan ini adalah tidak sihat dan tidak dapat mengoptimumkan tujuan peruntukan pembangunan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ahli Parlimen Ipoh Timur daripada DAP itu berkata, pihaknya mengambil perhatian mengenai sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4 peratus daripada keseluruhan RM194.555 bilion pinjaman baharu kerajaan digunakan hanya untuk tujuan membayar semula prinsipal hutang tahun lalu.

"Jumlah ini meningkat sebanyak RM15.345 bilion berbanding RM82.723 bilion pada tahun 2019. Jumlah ini diramal bertambah beberapa tahun akan

datang dan ia membimbangkan apabila kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu bagi membayar bayaran semula prinsipal pinjaman yang matang," katanya.


Kenyataan itu hadir selepas PAC mendengar taklimat Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020, Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020, semalam.

PAC turut dimaklumkan Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara telah dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara.

Sementara itu, menurutnya, dalam pengauditan pematu-

han terhadap Kementerian dan Jabatan Persekutuan, jumlah semakan audit bagi lapan tajuk pengauditan bernilai RM899.44 juta, sejumlah RM620.07 juta dikesan melibatkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

"Daripada jumlah tersebut, RM499.18 juta adalah isu pembayaran tidak teratur membebankan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan dan PAC akan mengadakan prosiding mengenai isu ini," katanya.



HANYA RM37.656 bilion daripada RM48.571 bilion pinjaman kasar untuk tujuan pembangunan digunakan tahun lalu. - UTUSAN / SHIDDIEQIIN ZON

RM499.19 juta dibayar tanpa pengesahan KPI »3

Terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak berkaitan Bayaran Tuntutan Kos Penyelenggaraan GIRN disebabkan tiada semakan teliti

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

RM499.19 juta dibayar tanpa pengesahan KPI

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak RM499.19 juta melibatkan projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan (GIRN) dibayar tanpa pengesahan laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berdasarkan Laporan Audit Negara (LAN) 2020, bayaran penuh itu dibuat kepada syarikat konsesi walaupun dua daripada lima parameter pengukuran iaitu *Handover Between Cell* bagi KPI *Retailability* dan data *Throughput* tidak dicapai syarikat konsesi.

Pembayaran tersebut menyebabkan potongan rebat berjumlah RM2.5 juta tidak dibuat dan tuntutan insurans syarikat konsesi berjumlah RM23.51 juta yang tidak wajar dituntut, telah dibayar kepada syarikat konsesi.

"Selain itu, pembayaran sebanyak RM150.19 juta terhadap perbelanjaan lain seperti kos diesel generator dan bayaran sewa helikopter bagi perkhidmatan penyelenggaraan tidak

dapat disahkan," jelas laporan tersebut.

Berdasarkan skop dan sampel audit, terdapat kelemahan dalam pengurusan kontrak berkaitan Bayaran Tuntutan Kos Penyelenggaraan GIRN disebabkan tiada semakan teliti terhadap klausa perjanjian dan dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum bayaran dibuat sehingga menyebabkan pembayaran tidak teratur berjumlah RM499.19 juta.

Sehubungan itu, beberapa syor dikemukakan Audit Negara kepada MKN dalam mengurus dan membuat bayaran projek iaitu antaranya memastikan pengesahan tuntutan konsesi dibuat berdasarkan klausa perjanjian sebelum diperakukan untuk bayaran.

GIRN adalah projek strategik kerajaan dilaksanakan secara kerjasama awam swasta dengan syarikat konsesi yang dibangunkan untuk menyediakan keupayaan rangkaian komunikasi lebih cekap antara penguat kuasa di lokasi operasi dengan bilik kawalan pusat.

Terdahulu, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid mendedahkan



NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID

sebanyak RM499.19 juta daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur pada tahun lalu turut melibatkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyelenggaraan tanpa pengesahan MKN.

Menurut beliau, ketidakpatuhan kementerian dan jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan semuanya berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

"Daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur,

RM499.19 juta membabitkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyelenggaraan tanpa pengesahan di MKN pada tahun tersebut," kata beliau dalam kenyataan kepada Bernama berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 yang dibentang di Dewan Rakyat semalam.

Sementara itu, daripada RM104.79 juta kerugian wang awam, RM81.69 juta merupakan penalti belum tuntut dan tidak dikenakan Jabatan Imigresen manakala pembaziran RM4.79 juta melibatkan peralatan lewat diterima dan tidak dipasang di Istana Budaya.

"Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara mengemukakan 29 syor iaitu empat syor untuk pengesahan penyata kewangan dan 25 syor untuk pengauditian pematuhan kementerian dan jabatan Persekutuan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian dan jabatan," katanya.

BERITA HARIAN/
29 OKTOBER 2021/M.S.
12

Jawatankuasa siasat isu benih padi

GEOGRETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas menyiasat masalah bekalan benih padi yang kerap dihadapi pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, jawatankuasa khas itu perlu mempunyai wakil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), MADA, jabatan dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk pesawah bagi mengatasi masalah tersebut berlarutan sejak sekian lama.

Katanya, jawatankuasa tersebut bukan saji berperanan memastikan bekalan benih padi mencukupi dan diterima pesawah tepat pada jadual penanaman yang telah ditetapkan tetapi juga kualiti serta harganya tidak membantah bankan golongan berkenaan.

“Baru-baru ini beberapa kumpulan pesawah MADA telah mengadakan protes berikutan mereka lambat menerima bekalan benih padi, malah harganya meningkat dari RM28 satu beg seberat 20 kilogram kepada lebih RM50 satu beg ketika ini.

“Jawatankuasa ini juga dapat menyiasat dan menegaskan pasti kawasan-kawasan sawah yang dilanda kemarau, banjir dan diancam makhluk perosak seperti siput gondong emas, tikus serta masalah lain-lain di mana benih padi yang ditanam akan mengalami kemusnahan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendesak kerajaan memberi subsidi benih padi kepada petani supaya mereka dapat membelinya dengan harga berpatutan.

Pengerusi Pesawah, Mohd. Fuad Yaacob berkata, petani yang mengusahakan tanaman padi di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kecewa harga benih padi yang dikeluarkan kilang tidak selaras dan membebankan petani.

Menurut Mohideen, benih padi untuk sawah di MADA seluas 100,685 hektar semusim mungkin tidak mencukupi kerana pesawah tmemerlukan lebih banyak benih padi.